

NAMA :

TINGKATAN:.....

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5 TAHUN 2025

PERNIAGAAN

KERTAS 2

2 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN

1. Modul ini mengandungi tiga bahagian:
Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C
2. Jawab lima soalan daripada Bahagian A, dua soalan daripada Bahagian B dan satu soalan wajib dalam Bahagian C.
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam helaian kertas yang disediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
7. Tuliskan nama anda pada kertas modul ini. Semua kertas modul dan jawapan hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir peperiksaan.

Untuk kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah diperolehi
A	1	50	
	2		
	3		
	4		
	5		
	6		
B	7	30	
	8		
	9		
C	10	20	
JUMLAH		100	

Modul ini mengandungi 26 halaman bercetak termasuk muka hadapan

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1 Gambar 1 menunjukkan logo sebuah perniagaan.



Gambar 1

(a) (i) Apakah bentuk perniagaan tersebut?

[1 markah]

(ii) Jelaskan kelebihan bentuk perniagaan di 1(a)(i).

[5 markah]

- (b) Gambar 2 berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan.



Gambar 2

Jelaskan peranan agensi tersebut.

[4 markah]

2 (a) Rajah 1 menunjukkan trend persekitaran sebuah perniagaan.



Rajah 1

Terangkan faktor luaran yang mempengaruhi trend tersebut.

[6 markah]

- 2 (b) Terangkan pasaran baharu yang boleh diteroka oleh sesebuah perniagaan.

[4 markah]

[4 markah]

3 (a) Jelaskan kemahiran kebolehkeraan berikut:

(i) Kelayakan yang bersesuaian

[3 markah]

(ii) Berpengalaman

[3 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Sopiah.

Puan Sopiah membuka sebuah butik menjual pelbagai jenis pakaian wanita. Baru-baru ini, beliau menghadapi masalah untuk menjelaskan bayaran kepada pembekal. Beliau memerlukan tunai dengan segera. Oleh itu, beliau bercadang untuk menggunakan kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh pihak bank memandangkan beliau merupakan pemegang akaun semasa di bank tersebut.

Jelaskan sumber pembiayaan tersebut.

[4 markah]

4 Gambar 3 menunjukkan jenis sumber perniagaan.




Gambar 3

(a) Bagaimanakah perniagaan mengurus sumber tersebut?

[6 markah]

(b) Rajah 2 berkaitan dengan faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.



Rajah 2

Jelaskan X.

[4 markah]

- 5 (a) Dokumen 1 berkaitan dengan dokumen perniagaan sebuah syarikat.

Dokumen X
Syarikat Nona Bakery
 208, Jalan Lagenda 7, Taman Lagenda
 08000 Sungai Petani Kedah

No: 0089
 Tarikh: 10 Mei 2025

Kepada:
 Kedai Kek Berkat
 No. 7, Jalan Mawar, Pekan Baru
 08000 Sungai Petani, Kedah.

Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1	Tepung Cap Mas	3.90	100	390.00
2	Gula Cap Tebu	2.95	100	295.00
3	Perisa Vanilla	3.20	50	160.00
4	Telur Gred A	0.50	200	100.00
Jumlah				945.00

Ringgit Malaysia: Sembilan Ratus Empat Puluh Lima Sahaja
 Syarat: 10 % 14 hari, 5 % 21 hari
 Serahan: Angkutan dibayar K. & K. di K.

NORA
 (Penerima)

RAMLEE
 (Pengurus)

Dokumen 1

- (i) Apakah dokumen X?

[1 markah]

- (ii) Jelaskan dokumen di 5(a)(i).

[4 markah]



(b) Jelaskan proses aliran barang dan perkhidmatan berikut:

(i) Penerimaan pesanan daripada pengguna

[2 markah]

(ii) Penghantaran invois kepada pembeli dan penerimaan bayaran

[3 markah]

- 6 (a) Rajah 3 menunjukkan akta penubuhan perniagaan.



Rajah 3

- (i) Apakah Q?

[1 markah]

- (ii) Jelaskan jawapan di 6(a)(i).

[3 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya.

- Mencari rezeki bagi menyara kehidupan diri dan keluarga
- Mengurus masa perniagaan dengan fleksibel
- Membentuk personaliti seorang usahawan

Jelaskan kelebihan berniaga selain daripada pernyataan tersebut.


[6 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7 Graf berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.



- (a) (i) Jelaskan X. [3 markah]
- (ii) Jelaskan kesan sekiranya pengeluaran kurang daripada X. [3 markah]
- (b) Jelaskan faktor dalaman yang mempengaruhi kawasan berlorek. [5 markah]
- (c) Cadangkan tindakan yang boleh diambil bagi mengatasi situasi di kawasan berlorek dari aspek sumber manusia. [4 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Dapur Crispy.

Perniagaan Dapur Crispy merupakan perniagaan yang menghasilkan kerepek dan snek tempatan. Perniagaan berhasrat untuk meluaskan pasaran produk ke peringkat antarabangsa. Pemilik perniagaan, Encik Amir membuat keputusan untuk menggunakan sumber pembiayaan dalaman bagi menampung kos pembangunan platform secara dalam talian. Beliau juga mencadangkan penggunaan aplikasi teknologi maklumat bagi memudahkan pelanggan membuat pembelian. Beliau yakin banyak faedah yang akan diperolehi jika memasarkan produk di internet.

- (a) Mengapakah sumber pembiayaan tersebut dipilih? [5 markah]
- (b) Terangkan dua aplikasi teknologi maklumat yang perlu disediakan oleh Perniagaan Dapur Crispy. [6 markah]
- (c) Jelaskan implikasi yang akan dihadapi oleh Encik Amir jika menjalankan perniagaan dalam talian. [4 markah]

- 9 Maklumat berikut merupakan penyata kewangan sebuah perniagaan.

Syarikat Seri Tenun Sdn. Bhd.		
	X	
	RM	RM
Aset Bukan Semasa		
Mesin Jahit	80 000	
Perabot	<u>50 000</u>	130 000
Aset Semasa		
Tunai	10 000	
Stok Akhir	50 000	
Penghutang	<u>30 000</u>	<u>90 000</u>
		<u>220 000</u>
Ekuiti Pemilik		
Modal Awal		100 000
Tambah: Untung bersih		<u>65 000</u>
		165 000
Tolak: Ambilan		<u>5 000</u>
Modal Akhir		160 000
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman		35 000
Liabiliti Semasa		
Pemiutang		<u>25 000</u>
		<u>220 000</u>

- (a) (i) Apakah X? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kepentingan X kepada perniagaan. [3 markah]
- (b) Tafsirkan kedudukan kewangan Syarikat Seri Tenun Sdn. Bhd. berdasarkan nisbah kecairan. [6 markah]
- (c) Sekiranya anda seorang pengurus kewangan, cadangkan tindakan yang boleh diambil untuk meningkatkan nisbah kecairan. [5 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 10** Syarikat Sos Cili Tok Wan Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada tahun 2019 oleh Encik Fahmey. Syarikat ini merupakan pengeluar sos cili di Sungai Petani, Kedah dan mempunyai 70 orang pekerja tetap serta 10 orang pekerja sambilan. Sos cili Tok Wan telah dipasarkan ke seluruh negeri Kedah. Sejak kebelakangan ini, permintaan sos cili semakin berkurangan dari tahun ke tahun. Hasil jualan tahunan adalah seperti berikut:

Tahun	Hasil Jualan Tahunan (RM)
2019	500 000
2020	400 000
2021	350 000
2022	330 000
2023	310 000
2024	300 000

Beliau telah menerima aduan daripada pelanggan tentang pembungkusan dan tekstur sos cili. Masalah tekstur yang cepat berubah boleh menjejaskan persepsi pelanggan terhadap kualiti produk. Namun begitu, Encik Fahmey mendapat maklumat daripada bahagian fungsian yang terlibat bahawa bahan mentah yang berkualiti telah digunakan dan tiada masalah semasa pemprosesan sos cili.

Encik Fahmey juga mendapati strategi campuran pemasaran memainkan peranan penting dan perlu ditambah baik. Kaedah promosi yang sesuai dan berkesan dapat menarik pelanggan sekali gus dapat meningkatkan jualan sos cili Tok Wan.

Oleh itu, syarikat memerlukan modal tambahan sebanyak RM100 000 untuk menambahbaik strategi pemasaran sedia ada dan pembelian mesin baharu. Encik Fahmey telah menerima tawaran pinjaman daripada dua pihak. Maklumat tawaran pinjaman adalah seperti berikut:

Butiran	Agensi Kerajaan	Bank AA
Jumlah pinjaman	RM100 000	RM100 000
Faedah pinjaman (setahun)	4.0%	4.9%
Tempoh pinjaman (tahun)	10	7
Cagaran	Tiada	Ada

Encik Fahmey berhasrat untuk membuat pembaharuan ke atas produknya dengan menukar kaedah pembungkusan yang lebih sesuai. Ini bagi memastikan perniagaannya dapat bertahan dan berdaya saing dari semasa ke semasa.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan sektor dan saiz perniagaan Encik Fahmey. [4 markah]
- (b) (i) Apakah bahagian fungsian yang dimaksudkan oleh Encik Fahmey? [1 markah]
- (ii) Jelaskan jenis kawalan lain yang perlu diberi perhatian oleh Encik Fahmey. [3 markah]
- (c) Jelaskan strategi promosi yang perlu dibuat oleh Syarikat Sos Cili Tok Wan Sdn. Bhd. [4 markah]
- (d) Cadangkan pihak yang patut dipilih oleh Encik Fahmey. Beri alasan anda. [4 markah]
- (e) Wajarkah pembaharuan produk dilakukan oleh Encik Fahmey? Kemukakan alasan anda. [4 markah]

MODUL TAMAT